

PERMOHONAN LESEN GETAH

Lesen bagi urusniaga getah ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Lembaga Getah Malaysia mempunyai 4 jenis lesen yang dikeluarkan merangkumi sektor-sektor dalam industri getah Malaysia seperti berikut:

| Jenis Lesen | Aktiviti | Yuran |
|--|--|----------------|
| Lesen perdagangan/ memproses getah | i. Untuk membeli getah | RM 100 setahun |
| | ii. Untuk menyimpan getah | RM 100 setahun |
| | iii. Untuk memproses getah | RM 500 setahun |
| | iv. Untuk membungkus getah | RM 300 setahun |
| | v. Untuk menjual getah | RM 200 setahun |
| | vi. Untuk mengeksport getah | RM 500 setahun |
| Lesen pembuatan produk getah | Untuk membeli dan menyimpan getah bagi pembuatan produk getah | RM 500 setahun |
| Lesen mengeksport sarung tangan getah | Untuk mengeksport sarung tangan getah | RM 500 setahun |
| Lesen tapak samaian getah | Untuk membeli menyimpan atau menjual bahan tanaman getah, atau untuk mencambahkan, menumbuhkan, menanam atau memindah tanam bahan tanaman getah bagi tujuan komersial | RM 500 setahun |

Dokumen sokongan yang diperlukan semasa memohon lesen

1. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Perniagaan
2. Borang 24, 49 dan salinan Memorandum dan Perkara (M&A) untuk Syarikat Sdn. Bhd.
3. Salinan kad pengenalan, penyata bank/buku simpanan (pemohon individu sahaja)
4. Pelan lokasi premis cadangan
5. Salinan geran tanah/surat kebenaran sewa tanah (bagi lesen runcit)

Cara memohon lesen

1. Lengkapkan Borang Permohonan Lesen (boleh diperolehi dari Unit Dasar Pelesenan dan Permit atau dari Pejabat LGM yang berhampiran atau boleh dimuat turun dari [laman web: www.lgm.gov.my](http://www.lgm.gov.my))
2. Borang dan fi pentadbiran sebanyak RM100 (cek/ wang pos/ kiriman wang/ bank draf) atas nama Lembaga Getah Malaysia dihantar secara pos atau serahan tangan ke Pejabat LGM yang berhampiran.

Permohonan lesen hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Lembaga Getah Malaysia yang berhampiran. Borang permohonan sepertimana di Lampiran.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi;

Unit Dasar Pelesenan dan Permit

Telefon : 03- 9206 2060/03-9206 2066

Faks : 03-92062067

E-mel : kameruzaman@lgm.gov.my